



**YA Hakim/YA Pesuruhjaya Kehakiman**

Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

**Hakim Mahkamah Sesyen**

Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

**Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar**

Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

**Penolong Kanan Pendaftar**

Mahkamah Rendah  
Seluruh Malaysia

YA-YA Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1 TAHUN 2017**

**PENGENDALIAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN DI BAWAH  
AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012  
[AKTA 747]**

Setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, saya dengan ini mengeluarkan arahan berikut bagi pengendalian kes-kes kesalahan keselamatan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747].

**PEJABAT PENDAFTARAN UTAMA**

1. (1) Bagi melicinkan pengendalian kes-kes kesalahan keselamatan di bawah Akta 747, dua (2) Pejabat Pendaftaran Utama akan diadakan iaitu:

- (a) Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi Mahkamah Tinggi Malaya; dan
  - (b) Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuching bagi Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.
- (2) Setiap Pejabat Pendaftaran Utama akan diketuai oleh seorang Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar.
  - (3) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar tersebut hendaklah menguruskan perkara-perkara pentadbiran kes-kes kesalahan keselamatan yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Utama.
  - (4) Satu Buku Kausa Daftar Khas kes-kes kesalahan keselamatan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015 [Akta 770] hendaklah dibuka. Buku Kausa Daftar Khas tersebut hendaklah diselenggarakan dan dikemas kini dengan sempurna.

**PENDAFTARAN DAN PERBICARAAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAB VI DAN VIA KANUN KESEKSAAN [AKTA 574] DAN AKTA LANGKAH-LANGKAH KHAS MENENTANG KEGANASAN DI LUAR NEGARA 2015 [AKTA 770]**

- 2. (1) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut hendaklah terlebih dahulu didaftarkan di Mahkamah Sesyen di mana kesalahan tersebut dilakukan.
- (2) Mahkamah Sesyen hendaklah, pada hari yang sama dengan pemfailan kes-kes tersebut, memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi.
- (3) Di Semenanjung Malaysia
  - (a) Mahkamah Sesyen hendaklah di atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya memindahkan kes-kes

kesalahan keselamatan tersebut ke Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk perbicaraan dengan seberapa segera yang mungkin.

- (b) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah mendaftarkan kes-kes tersebut sebaik sahaja dipindahkan dari Mahkamah Sesyen.
  - (c) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah menetapkan tarikh pengurusan kes di hadapan hakim-hakim yang dilantik bagi mengendalikan kes-kes tersebut dengan seberapa segera yang mungkin.
  - (d) Hakim-hakim yang dilantik untuk mengendalikan kes-kes tersebut akan mendengar kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
  - (e) Hakim-hakim yang dilantik untuk mengendalikan kes-kes tersebut hendaklah membicarakan dan menyelesaikannya dalam masa yang ditetapkan.
- (4) Di Sabah dan Sarawak
- (a) Mahkamah Sesyen hendaklah di atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya memindahkan kes-kes tersebut ke Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan untuk perbicaraan dengan seberapa segera yang mungkin.
  - (b) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan hendaklah mendaftarkan kes-kes tersebut sebaik sahaja dipindahkan dari Mahkamah Sesyen.
  - (c) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuching hendaklah menetapkan tarikh pengurusan kes di hadapan hakim-hakim yang dilantik bagi mengendalikan kes-kes tersebut dengan

seberapa segera yang mungkin di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

- (d) Hakim-hakim yang dilantik untuk mengendalikan kes-kes tersebut akan mendengar kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.
- (e) Hakim-hakim yang dilantik untuk mengendalikan kes-kes tersebut hendaklah membicarakan dan menyelesaikannya dalam masa yang ditetapkan.

**PENDAFTARAN DAN PERBICARAAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAB VIB KANUN KESEKSAAN [AKTA 574] DAN BAHAGIAN IIIA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007 [AKTA 670]**

- 3. (1) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut hendaklah terlebih dahulu didaftarkan di Mahkamah Sesyen di mana kesalahan tersebut dilakukan.
- (2) Mahkamah Sesyen hendaklah di atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya memindahkan kes-kes tersebut ke Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan untuk perbicaraan dengan seberapa segera yang mungkin.
- (3) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan hendaklah mendaftarkan kes-kes tersebut sebaik sahaja dipindahkan dari Mahkamah Sesyen.
- (4) Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan hendaklah menetapkan tarikh pengurusan kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan dengan seberapa segera yang mungkin.

- (5) Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan hendaklah membicarakan dan menyelesaikannya dalam masa yang ditetapkan.
- (6) Satu Buku Kausa Daftar Khas bagi kes-kes kesalahan tersebut hendaklah dibuka. Buku Kausa Daftar Khas tersebut hendaklah diselenggarakan dan dikemas kini dengan sempurna.

**KEDUDUKAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAB VIB KANUN KESEKSAAN [AKTA 574] DI SEMENANJUNG MALAYSIA YANG TELAH DIDAFTARKAN SEBELUM TARIKH BERKUAT KUASA ARAHAN AMALAN INI**

4. (1) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan yang telah dimulakan perbicaraannya oleh hakim-hakim yang dilantik untuk membicarakan kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi itu, hendaklah diteruskan perbicaraannya sehingga selesai oleh hakim-hakim tersebut.
- (2) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tetapi belum dimulakan perbicaraannya, hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan, didaftarkan semula dan dibicarakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

**KEDUDUKAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAB VIB KANUN KESEKSAAN [AKTA 574] DI SABAH DAN SARAWAK YANG TELAH DIDAFTARKAN SEBELUM TARIKH BERKUAT KUASA ARAHAN AMALAN INI**

5. (1) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan dan yang telah dimulakan perbicaraannya oleh hakim-hakim yang dilantik untuk membicarakan kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi itu, hendaklah diteruskan perbicaraannya sehingga selesai oleh hakim-hakim tersebut.

- (2) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan tetapi belum dimulakan perbicaraannya, hendaklah dibicarakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

**KEDUDUKAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAHAGIAN IIIA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007 [AKTA 670] DI SEMENANJUNG MALAYSIA YANG TELAH DIDAFTARKAN SEBELUM TARIKH BERKUAT KUASA ARAHAN AMALAN INI**

6. Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan, sama ada yang belum atau telah dimulakan perbicaraannya, hendaklah dimulakan atau diteruskan perbicaraannya menurut mana yang berkenaan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

**KEDUDUKAN KES-KES KESALAHAN KESELAMATAN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH BAHAGIAN IIIA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007 [AKTA 670] DI SABAH DAN SARAWAK YANG TELAH DIDAFTARKAN SEBELUM TARIKH BERKUAT KUASA ARAHAN AMALAN INI**

7.
  - (1) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan, dan yang telah dimulakan perbicaraannya oleh hakim-hakim yang dilantik untuk membicarakan kes-kes tersebut di Mahkamah Tinggi itu, hendaklah diteruskan perbicaraannya sehingga selesai oleh hakim-hakim tersebut.
  - (2) Kes-kes kesalahan keselamatan tersebut yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan tetapi belum dimulakan perbicaraannya hendaklah dibicarakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan.

## **PERMOHONAN DAN PROSIDING DI MAHKAMAH SESYEN DI BAWAH AKTA 747**

8. (1) Permohonan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen untuk memasang peranti pengawasan elektronik di bawah seksyen 7 Akta 747 dan prosiding merekod kenyataan dan pengakuan orang yang ditangkap sebelum permulaan perbicaraan di bawah seksyen 27 Akta 747, hendaklah didengar di hadapan mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa.
- (2) Permohonan atau prosiding di Mahkamah Sesyen di bawah Akta 747 tersebut hendaklah didaftarkan dan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan dengan seberapa segera yang mungkin.
- (3) Bagi prosiding di bawah seksyen 27 Akta 747, Mahkamah Sesyen yang berkenaan hendaklah menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan prosiding tersebut ke Pejabat Pendaftaran Utama Mahkamah Tinggi atau ke Mahkamah Tinggi di negeri-negeri di mana kes-kes kesalahan keselamatan tersebut dibicarakan.
- (4) Satu Buku Kausa Daftar Khas bagi kes-kes permohonan di Mahkamah Sesyen di bawah Akta 747 hendaklah dibuka. Buku Kausa Daftar Khas tersebut hendaklah diselenggarakan dan dikemas kini dengan sempurna.

### **PENGELASAN KOD**

9. (1) Bagi Mahkamah Tinggi, kes-kes kesalahan keselamatan di bawah Akta 747 hendaklah didaftarkan dengan kod seperti yang berikut:

<b>KOD</b>	<b>PERIHAL</b>
<b>45SO</b>	Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah:  (i) Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan

KOD	PERIHAL
	(ii) Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015 [Akta 770].
46SO	<p>Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah:</p> <p>(i) Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan</p> <p>(ii) Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015 [Akta 770].</p>
45JT	Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan [Akta 574].
46JT	Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan [Akta 574].
45SOM	Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].
46SOM	Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].



- (2) Bagi Mahkamah Sesyen, kes-kes kesalahan keselamatan di bawah Akta 747 hendaklah didaftarkan dengan kod seperti yang berikut:

KOD	PERIHAL
<b>64SO</b>	Permohonan di bawah Bahagian III Akta 747.
<b>62SO</b>	<p>Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan</li> <li>(ii) Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015 [Akta 770].</li> </ul>
<b>61SO</b>	<p>Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bab VI dan VIA Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan</li> <li>(ii) Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan Di Luar Negara 2015 [Akta 770].</li> </ul>
<b>62JT</b>	Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan [Akta 574].
<b>61JT</b>	Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan [Akta 574].
<b>62SOM</b>	Kesalahan keselamatan di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].


KOD	PERIHAL
61SOM	Kesalahan keselamatan melibatkan Pekhidmat Awam di bawah Jadual Pertama Akta 747, iaitu kesalahan di bawah Bahagian IIIA Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

### PEMBATALAN ARAHAN AMALAN BIL. 1 TAHUN 2013

10. Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2013 bertajuk “Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012” bertarikh 29 Januari 2013 adalah dengan ini dibatalkan.

### PERMULAAN KUAT KUASA

11. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.



**(TAN SRI DATO' SERI MD RAUS BIN SHARIF)**  
Ketua Hakim Negara

Tarikh: 17 Ogos 2017

**Salinan Kepada:**

**YAA Presiden Mahkamah Rayuan**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Malaya**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak**

Mahkamah Tinggi Kuching  
SARAWAK

**Ketua Pendaftar**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Timbalan Ketua Pendaftar II (Polisi)**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Timbalan Ketua Pendaftar I (Operasi)**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia**

Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**

Kompleks Mahkamah Kuching

SARAWAK

**Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya**

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**

Kompleks Mahkamah Kuching

SARAWAK

**Pengarah Bahagian e-Kehakiman**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Timbalan Kanan Pendaftar**

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Semua Pengarah Bahagian/Unit**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Pustakawan**

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Edaran**

**Peguam Negara**

Jabatan Peguam Negara Malaysia  
PUTRAJAYA

**Ketua Bahagian Pendakwaan**

Jabatan Peguam Negara  
PUTRAJAYA

**Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan**

Jabatan Peguam Negara  
PUTRAJAYA

**Presiden**

Majlis Peguam Malaysia  
KUALA LUMPUR

**Presiden**

Persatuan Undang-Undang Sabah  
SABAH

**Presiden**

Persatuan Peguambela Sarawak  
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching  
SARAWAK